



**BAB 7:**  
**PROTOKOL KYOTO**

## PROTOKOL KYOTO

Protokol Kyoto 1988 dirangka selepas kejayaan Protokol Montreal mengenai pengawalan emisi gas kloroflorokarbon (CFC) dan bahan kimia lain. Protokol ini adalah satu pakatan oleh negara-negara semasa Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB di Kyoto pada tahun 1997 untuk mengurangkan emisi gas rumah hijau dan ianya telah mendapat persetujuan antarabangsa di dalam Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (UNFCCC) dan hanya boleh ditandatangani atau disahkan oleh pihak yang bersekutu dengan UNFCCC.

Nama rasmi bagi protokol ini ialah *Kyoto Protokol to the United Nations Framework Convention on Climate Change* atau Protokol Kyoto dalam Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim. Protokol ini adalah protokol kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (UNFCCC) yang ditubuhkan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 3-14 Jun 1992 yang kemudiannya telah dibentangkan di Kyoto, Jepun pada Disember 1997. Seterusnya, protokol ini telah dibuka untuk ditandatangani pada 16 Mac 1998 dan ditutup pada 15 Mac 1999. Persetujuan ini mula berkuatkuasa pada 16 Februari 2005 setelah pengesahan rasmi dilakukan oleh Rusia pada 18 November 2004.

Protokol Kyoto adalah persetujuan sah atau komitmen negara-negara perindustrian berkaitan pengurangan pembebasan gas rumah hijau mereka secara kolektif sebesar 5.2% berbanding tahun 1990. Sasaran pengurangan gas rumah hijau ini bermula dari tahun 2008 hingga 2012. Objektif utama Protokol Kyoto ialah untuk menstabilkan gas rumah hijau di dalam atmosfera kepada tahap yang tidak akan menjejaskan sistem iklim. Enam gas rumah hijau yang dimaksudkan ialah karbon dioksida

(CO<sub>2</sub>), metana (CH<sub>4</sub>), nitrus oksida (N<sub>2</sub>O), sulfur heksaflorida (SF) serta dua kumpulan gas iaitu hidroflorokarbon (HFCs) dan perflurokarbon (PFCs).

Sehingga Disember 2009, sebanyak 189 buah negara dan sebuah organisasi integrasi ekonomi serantau (EEC) telah menandatangani serta meraktifikasi protokol ini kecuali Amerika Syarikat. Malaysia pula telah mengesahkan perjanjian ini pada September 2002. Di bawah UNFCCC, negara-negara peserta terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan negara-negara Annex I (negara-negara maju) dan negara-negara bukan Annex I (negara-negara membangun). Di bawah Protokol Kyoto, negara-negara bukan Annex I tidak dikenakan sebarang sasaran bagi mengurangkan gas rumah hijau mereka manakala negara-negara Annex I dikenakan sasaran pengurangan emisi gas rumah hijau.

**Jadual 7.1: Kuantifikasi Sasaran Had Emisi dan Pengurangan di Dalam Protokol Kyoto.**

<b>NEGARA-NEGARA ANNEX I</b>	<b>% HAD/ PENGURANGAN</b>
Austria, Belgium, Bulgaria, Republik Czech, Denmark, Estonia, Kesatuan Eropah, Finland, Perancis, German, Greece, Ireland, Italy, Latvia, Liechtenstein, Lithuania, Luxembourg, Monaco, Netherlands, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Spain, Sweden, Switzerland, United Kingdom dan Ireland Utara	-8
Amerika Syarikat	-7
Canada, Hungary, Jepun, Poland Croatia	-6
New Zealand, Rusia, Ukraine	-5
Norway	0
Australia	+1
Iceland	+8
	+10